

PM: Usah puas hati berniaga di kaki jalan

UM 4 DEC 2007

Oleh DALIZA ARIFFIN

ALOR STAR 3 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, peniaga-peniaga Melayu tidak harus berpuas hati dengan hanya berniaga di kaki jalan, sebaliknya perlu meningkatkan kaedah perniagaan pada masa depan.

Sehubungan itu menurut Perdana Menteri, orang Melayu perlu ada perancangan perniagaan untuk mengendalikan perniagaan di premis-premis tetap supaya lebih maju.

“Orang Melayu tidak boleh berniaga sampai tahun 2100, 2200, 2300 dengan menjual di tepi jalan sahaja, kena tingkatkan kita punya standard,” katanya kepada para pemberita selepas melawat dan membeli belah di Kompleks Pekan Rabu di sini hari ini.

Dr. Mahathir memberitahu, walaupun harga barangan yang dijual di premis berkenaan mahal se-

dikit tetapi perniagaan itu masih boleh maju kerana pasarannya tetap ada.

Pada masa yang sama perancangan untuk mengekalkan kualiti produk juga perlu diteruskan, tambah beliau.

Beliau menjelaskan, Meat Shop merupakan antara contoh perniagaan yang perlu diikuti oleh para peniaga Melayu kerana operasi perniagaannya dijalankan dalam premis yang menarik, bersih dan pembungkusan yang sempurna.

Beliau sebelum itu melawat Meat Shop milik Kedah Halal Food Hub di Taman Anggerik di sini yang merupakan pusat jualan setempat pelbagai daging segar dan import dengan harga berpatutan baru dibuka pada pertengahan bulan Oktober.

Selain itu katanya, kerajaan akan membantu meningkatkan taraf para peniaga Melayu agar setaraf dengan peniaga di negara lain sekiranya mereka bersungguh-sungguh dan berpotensi.

Mengenai senario masyarakat Melayu yang membeli-belah terutama pada musim-musim perayaan, Dr. Mahathir berkata, ia adalah satu petanda positif daripada sudut ekonomi.

“Memang benar tahun ini kita mewah sikit, kita punya perniagaan runcit lebih baik dari negara-negara lain.

“Kita juga patut bersyukur walaupun ada percubaan untuk menimbalkan kesangsian terhadap negara namun ekonomi tidak terjejas kerana masyarakat masih ramai yang berniaga dan bebas membeli-belah,” katanya lagi.

Sementara itu Dr. Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali menghabiskan masa satu jam untuk membeli-belah barangan persiapan hari raya dan juadah berbuka puasa sambil bermesra dengan para peniaga Melayu di Kompleks Pekan Rabu.